



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN JUMAAT, 21 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/11/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|-----------------------|----------|
| 1 | HAMPIR 17,000 REMAJA HAMIL LUAR NIKAH SEPANJANG 2020-2024 | | NEUTRAL |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/hampir-17,000-remaja-hamil-luar-nikah-sepanjang-2020-2024 | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/757446/berita/nasional/lebih-16000-remaja-hamil-luar-nikah-hampir-50-peratus-melayu---nancy | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1290154/pergaulan-bebas-keganasan-seksual-faktor-utama-16951-remaja-hamil-tanpa | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/hampir-17000-kes-remaja-hamil-luar-nikah-dalam-tempoh-5-tahun/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1474075/16951-remaja-19-tahun-ke-bawah-hamil-tanpa-kahwin-2020-2024 | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/11/20/16951-remaja-berusia-bawah-19-tahun-hamil-tidak-berkahwin/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1290005/apa-dah-jadi-16951-remaja-mengandung-anak-luar-nikah | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/20/lebih-41000-remaja-hamil-bawah-umur-sejak-2020 | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/16951-remaja-hamil-luar-nikah-direkodkan-sejak-2020-x9u3pty | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/parlimen-16951-remaja-hamil-luar-nikah/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/11/20/16951-remaja-berusia-19-tahun-ke-bawah-tidak-berkahwin-hamil/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://suaramerdeka.com.my/lebih-41000-kehamilan-remaja-direkodkan-di-klinik-kerajaan-sejak-2020-kata-nancy/ | SUARAMERDEKA.COM.MY | |
| | https://malaysiatribune.news/berita-semasa/16951-remaja-hamil-luar-nikah-antara-2020-hingga-2024/ | MALAYSIATRIBUNE.NEWS | |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/11/20/dewan-rakyat-16951-remaja-hamil-tidak-berkahwin-direkodkan-di-fasiliti-kerajaan/ | TVSARAWAK.MY | |
| | https://majoriti.com.my/berita/2025/11/20/hampir-50000-kes-remaja-bawah-19-tahun-hamil-dalam-tempoh-5-tahun | MAJORITI.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/20/over-40000-teen-pregnancies-between-2020-and-2024 | FREEMALAYSIATODAY.COM | |

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/11/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|-------------------|----------|
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1318994/nearly-17000-unmarried-teenagers-pregnant-malaysia-over-four-years | NST.COM.MY | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/20/over-41000-teen-pregnancies-recorded-at-govt-clinics-since-2020-says-nancy | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1474262/pergaulan-bebas-mangsa-keganasan-seksual-faktor-utama-16951-remaja | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.scoop.my/news/274977/over-16000-unmarried-teen-pregnancies-in-malaysia-govt-taking-urgent-measures-nancy/ | SCOOP.MY | |
| | https://worldofbuzz.com/about-50-are-malays-nearly-17000-unmarried-teens-got-pregnant-in-2020-until-2024/ | WORLDOFBUZZ.COM | |
| | https://www.sinardaily.my/article/731858/focus/national/teen-pregnancy-statistics-in-malaysia-unmarried-teenagers-facing-rising-pregnancy-rates | SINARDAILY.MY | |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/115836/nearly-17000-unmarried-teens-pregnant-between-2020-and-2024-parliament-told | THEVIBES.COM | |
| | https://medialahmy.com/berita/16951-remaja-berusia-bawah-19-tahun-hamil-luar-nikah/syira/ | MEDIALAYMY.COM | |
| | https://mediaselangor.com/ms/2025/11/331451/kes-seks-bawah-umur-perlu-pemulihan-bukan-hukuman-nancy | MEDIASELANGOR.COM | |
| | https://mediaselangor.com/en/2025/11/331498/kids-involved-in-underage-sex-need-guidance-not-punishment-minister | MEDIASELANGOR.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=tz3bFVLpKD8 | YOUTUBE | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|----------------|----------|
| 2 | JUMLAH ANGGOTA LAWAN PENJENAYAH KEJI TAK CUKUP | | NEUTRAL |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1473958/jumlah-anggota-lawan-penjenayah-keji-tak-cukup | BHARIAN.COM.MY | |

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/11/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|-------------------|----------------|
| 3 | JKM BERI SOKONGAN EMOSI KEPADA ISTERI PEMUDA JATUH JAMBATAN P. PINANG | | POSITIF |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/11/20/jkm-beri-sokongan-emosi-kepada-isteri-pemuda-jatuh-jambatan-p-pinang/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/keluarga-mangsa-insiden-jatuh-jambatan-pulau-pinang-terima-bantuan-segera | BERITA.RTM.GOV.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------|----------------|
| 4 | KAMPUNG LAMA BERWAJAH BARU | | POSITIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1289842/kampung-lama-berwajah-baru | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------|----------------|
| 5 | 8.2 TAN METRIK MAKANAN KEPERLUAN ASAS UNTUK PULAU PERHENTIAN DAN PULAU REDANG | | POSITIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1289943/82-tan-metrik-makanan-keperluan-asas-untuk-pulau-perhentian-dan-pulau | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/11/20/mtl-8-2-tan-makanan-untuk-penduduk-pulau-perhentian-pulau-redang/ | KOSMO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|-------------|----------------|
| 6 | 19 DEPOH MINI PERKUKUH KESIAPSIAGAAN BANJIR DI KELANTAN | | POSITIF |
| | https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2493320 | BERNAMA.COM | |

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/11/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------|----------------|
| 7 | TERPAKSA JUAL JAM TANGAN UNTUK BELI SUSU ANAK | | NEGATIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1290128/terpa-ksa-jual-jam-tangan-untuk-beli-susu-anak | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|--------------|----------------|
| 8 | IBU, ANAK 'KONGSI' DERITA | | NEGATIF |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/11/20/ibu-anak-kongsi-derita/ | KOSMO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------|----------------|
| 9 | BAYI DALAM PERUT PUN BOLEH 'TRAUMA' | | NEGATIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1289953/bayi-dalam-perut-pun-boleh-trauma | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|--------------------|----------------|
| 10 | KEGANASAN RUMAH TANGGA BUKAN ISU PERIBADI TETAPI JENAYAH | | NEGATIF |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/757411/berita/nasional/keganasan-rumah-tangga-bukan-isu-peribadi-tetapi-jenayah | SINARHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|--------------------|----------------|
| 11 | MASALAH KEWANGAN ANTARA PUNCA UTAMA ISTERI DERA SUAMI | | NEGATIF |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/757410/berita/nasional/masalah-kewangan-antara-punca-utama-isteri-dera-suami | SINARHARIAN.COM.MY | |

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/11/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|--------------------|----------------|
| 12 | LELAKI JUGA JADI MANGSA DERA ISTERI | | NEGATIF |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/757399/berita/nasional/lelaki-juga-jadi-mangsa-dera-isteri | SINARHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|--------------------|----------------|
| 13 | ISTERI DI PERLIS PENYAYANG, TIADA KES SUAMI DIDERA | | POSITIF |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/757505/edisi/utara/isteri-di-perlis-penyayang-tiada-kes-suami-didera | SINARHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|-------------------|----------------|
| 14 | KELANTAN CATAT 15 KES SUAMI DIDERA ISTERI, SELANGOR PALING TINGGI | | NEGATIF |
| | https://kelantandaily.com/2025/11/kelantan-catat-15-kes-suami-didera-isteri-selangor-paling-tinggi/ | KELANTANDAILY.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------|----------------|
| 15 | 40 TAHUN 'DISEKSA' SUAMI NARSISTIK | | NEGATIF |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2025/11/1289948/40-tahun-diseksa-suami-narsistik | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------|----------------|
| 16 | DIKURUNG 3 HARI 'PANDAI-PANDAI' CUCI BAJU SUAMI | | NEGATIF |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2025/11/1289961/dikurung-3-hari-pandai-pandai-cuci-baju-suami | HMETRO.COM.MY | |

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/11/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------|----------------|
| 17 | AKHIRI DERITA 10 TAHUN BERSUAMIKAN LELAKI BARAN | | NEGATIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1289949/akhir-i-derita-10-tahun-bersuamikan-lelaki-baran | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|-------------------|----------------|
| 18 | SURI RUMAH DIDENDA RM7,000 KERANA CUAI HINGGA BAYI TERJATUH | | NEGATIF |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/suri-rumah-didenda-rm7000-kerana-cuai-hingga-bayi-terjatuh/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1474144/suri-rumah-didenda-rm7000-kerana-cuai-biarkan-bayi-50-hari-terjatuh | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.mingguanwanita.my/suri-rumah-didenda-rm7000-bayi-terjatuh/ | MINGGUANWANITA.MY | |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/115842/mother-fined-rm7000-after-baby-injured-in-fall-from-changing-rack | THEVIBES.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|-----------------------|----------------|
| 19 | BUAT 'PROJEK' DI KEBUN PISANG, KELINDAN DIJEL 5 TAHUN | | NEGATIF |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/11/20/buat-projek-di-kebun-pisang-kelindan-dijel-5-tahun/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/757435/berita/semasa/kelindan-lori-dipenjara-lima-tahun-amang-seksual-anak-saudara-di-kebun-pisang | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1474065/cabul-anak-saudara-kelindan-dipenjara-lima-tahun | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/20/kelindan-lori-dipenjara-5-tahun-amang-seksual-anak-saudara-di-kebun-pisang | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1289996/jenayah-seksual-kebun-pisang-kelindan-dipenjara-5-tahun | HMETRO.COM.MY | |

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Hampir 17,000 remaja hamil luar nikah sepanjang 2020-2024

Nasional - Dicipta: 20 November 2025 12:38 PM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri/Foto JaPEN

KUALA LUMPUR, 20 November – Seramai 16,951 remaja perempuan berusia 19 tahun dan ke bawah yang tidak berkahwin direkodkan hamil bagi tempoh 2020 hingga 2024, menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

KPWK mendedahkan angka itu berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang direkodkan di fasiliti kerajaan, susulan pertanyaan Ahli Parlimen Mohd Misbahul Munir Masduki (Parit Buntar) mengenai jumlah remaja hamil tanpa nikah dan langkah pencegahan isu tersebut.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata usaha membendung kehamilan remaja luar nikah dilaksanakan secara menyeluruh melalui pendidikan kesihatan reproduktif, kaunseling dan sokongan komuniti.

"Antara inisiatif utama ialah pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial (PEKERTI) yang meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan kesihatan reproduktif serta melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab dan berdaya tahan," katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata pelan tindakan itu menekankan pembangunan kemahiran reproduktif yang positif melalui pendidikan formal di sekolah dan pendidikan tidak formal di peringkat komuniti.

Tambah beliau tindakan bersepadu digerakkan menerusi platform Majlis Sosial Negara.

"Antara tindakan bersepadu tersebut termasuk memasukkan program PEKERTI di peringkat institusi pengajian tinggi, memperluaskan pelaksanaan di peringkat komuniti serta meningkatkan promosi dan advokasi pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial," katanya.

Nancy berkata Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) turut menyediakan khidmat sokongan kepada remaja menerusi Pusat Remaja KafeTEEN dan Program Sahabat KafeTEEN di sekolah yang menyediakan ruang bimbingan, klinik kesihatan reproduktif dan kaunseling psikososial.

"Sebanyak 18 Pusat Remaja KafeTEEN, sebuah trak KafeTEEN dan 143 Kelab KafeTEEN di sekolah menengah diwujudkan bagi meluaskan akses kepada pendidikan kesihatan reproduktif melalui peer educators terlatih," tambahnya.

Beliau berkata kerajaan juga akan melancarkan Dasar Keluarga Negara dan Pelan Tindakan Keluarga Negara yang baharu sebagai usaha memperkasakan institusi keluarga.

Langkah itu termasuk memperkukuh peranan ibu bapa dan remaja dalam perancangan keluarga.

"Usaha membendung isu kehamilan remaja luar nikah ini wajar digembleng bersama oleh semua pihak demi masa depan generasi muda kita yang lebih sejahtera," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jumlah anggota lawan penjenayah keji tak cukup

November 20, 2025 @ 8:00am



Pendedahan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) kira-kira 100,000 kanak-kanak Malaysia setiap tahun menjadi mangsa eksploitasi atau penderaan seksual dalam talian buat sekian kali mengesahkan dunia siber bukan sahaja tanpa sempadan dari segi ilmu pengetahuan, bahkan moral dan risiko pendedahan jenayah tidak mengira usia. Lebih menakutkan, seorang daripada empat kanak-kanak pernah terdedah kepada kandungan seksual tanpa dijangka hingga ruang digital yang dianggap efisien dan pantas untuk pembelajaran adalah juga lorong gelap yang mengintai mangsa paling rentan.

Kita tidak menafikan kepantasan perkembangan digital menjadikan keselamatan siber cabaran besar kepada kerajaan, namun angka yang meningkat sehingga 125 kali ganda dalam laporan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak (CSAM) termasuk imej dijana kecerdasan buatan (AI), menuntut keberanian bertindak jauh lebih radikal. Justeru, persoalan asas mesti dijawab adalah apakah negara mempunyai keupayaan logistik, tenaga pakar dan pasukan penguatkuasaan yang mencukupi untuk membendung gelombang jenayah baharu ini?

Dengan ekosistem jenayah jauh lebih canggih, termasuk rangkaian persendirian maya (VPN) dari luar negara, chatbot yang belajar untuk mensimulasikan perbualan seksual dan menjana imej CSAM, kita meminta kerajaan menaik taraf keupayaan pihak berkuasa terutama dari segi perisian dan perkakasan lebih canggih serta kepakaran dalam mengikut jejak digital penjenayah keji ini. Perlu diingat, laporan *Disrupting Harm in Malaysia: Evidence on Online Child Sexual Exploitation and Abuse* oleh ECPAT International, Interpol dan UNICEF Office of Research-Innocenti turut menekankan keperluan Unit Malaysia Internet Crime Against Children (MICAC) di bawah Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) diperkasakan.



Laporan sama turut menekankan di sebalik wujudnya kehendak politik dan persediaan Malaysia menangani eksploitasi dan penderaan seksual kanak-kanak dalam talian (OCSEA), masih banyak perlu dilakukan, termasuk dari segi jumlah personel sama ada Polis Diraja Malaysia (PDRM) mahupun Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi (MCMC). Dengan jumlah kes meningkat, jelas sekali langkah kerajaan memperluaskan MICAC ke setiap Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) di seluruh negara dengan setiap kontinjen diletakkan sekurang-kurangnya seorang pegawai penyiasat MICAC adalah jauh daripada mencukupi.

Namun, pihak berkuasa semata-mata tidak mampu memenangi 'perang halimunan' kerana landskap digital semakin meluas dan kanak-kanak terdedah pada usia lebih muda, manakala Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengakui ramai ibu bapa memilih berdiam diri kerana takut memalukan keluarga atau tidak tahu saluran aduan. Betapa pahit untuk ditelan, sikap sebegini bukan sahaja membiarkan jenayah berterusan, bahkan menafikan hak kanak-kanak untuk dilindungi dan mencabuli amanah yang sepatutnya ditunaikan. Justeru, kita menyeru ibu bapa agar memahami undang-undang sentiasa menyebelahi mangsa, manakala tindakan membuat laporan bukan memalukan, sebaliknya menyelamatkan semua. Malah, ibu bapa dan penjaga juga perlu memberikan bimbingan dan literasi digital kepada generasi pewaris mereka, bukan menyerahkan sepenuhnya kepada sekolah, kerajaan atau 'takdir' algoritma.

Hakikatnya, perlindungan kanak-kanak bukan soal dasar semata-mata, tetapi bagaimana kerajaan dan masyarakat bekerjasama mempertahankan golongan paling rentan daripada menjadi mangsa. Hanya dengan itu, kita dapat memastikan setiap kanak-kanak membesar dalam dunia digital yang aman, selamat dan bermaruah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Siew Khim (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada Nurul Natasha (tengah) di Kepala Batas, hari ini.

JKM beri sokongan emosi kepada isteri pemuda jatuh Jambatan P. Pinang

Oleh NOOR HASUZA NUSI 20 November 2025, 5:48 pm

GEORGE TOWN – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang membantu memberikan sokongan emosi segera kepada isteri mangsa lemas selepas terjatuh dari Kilometer 2.8 Jambatan Pulau Pinang, menghala ke Perai, Ahad lalu.

Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam negeri, Lim Siew Khim berkata, satu sesi intervensi krisis telah dijalankan oleh Pegawai Psikologi JKM ketika lawatan di kediaman isteri mangsa, Nurul Natasha Amyra Ishak, 19, di Kepala Batas, hari ini.

Menurutnya, pegawai psikologi dan kaunselor agensi berkenaan akan terus membantu wanita tersebut sehingga pulih daripada trauma termasuk memberi bimbingan untuk memulakan perniagaan kecil demi kestabilan ekonomi keluarganya.

"Pendekatan ini penting agar dia dapat berdikari bagi menjamin masa depan tiga orang anaknya.

"Sebagai seorang ibu dan isteri, saya amat memahami keadaan emosinya yang masih berada dalam keadaan trauma, terkejut dan tidak berdaya, apatah lagi beliau kini sedang hamil lima bulan.

"Sokongan berterusan daripada ibu mertua dan adik-beradik mangsa amat membantunya dalam menguruskan keadaan keluarga," katanya di sini, hari ini.

Dalam pada itu katanya, pihak JKM turut menyampaikan sumbangan Tabung Bantuan Segera Negeri (TBSN) sebanyak RM1,000 sebagai bantuan awal kepada keluarga selain pemberian bakul makanan dan lampin bayi.

"JKM akan mengusahakan Bantuan Kanak-Kanak atau Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) bagi menjaga kebajikan dua anak kecil mereka. Dia juga layak menuntut RM1,000 Khairat Kematian di bawah Program STR.

"Bagi memastikan sokongan menyeluruh, JKM akan merujuk keluarga ini kepada pihak Zakat untuk bantuan kewangan tambahan," ujarnya lagi. –KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kampung lama berwajah baru

Redzuan Muharam
am@metro.com.my



MENTER Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Nancy Shuhri (dua dari kanan) bersama Dr Maziah (dua dari kiri) pada Majlis Perasmian Program Integrasi KASH KPWKM Sempena Penyerahan Projek Fizikal Kampung Angkat MADANI di Tumpat, Kelantan pada Januari lalu.

Kuala Lumpur: Program Kampung Angkat Madani (KAM) mentransformasikan Kampung Pasir Pekan Tengah di Tumpat, Kelantan yang dulunya suram menjadi lebih membangun malah memberi manfaat kepada 1,800 penduduk menerusi peruntukan sebanyak RM2.5 juta.

Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Datuk Dr Maziah Che Yusoff berkata, usaha menaik taraf kampung berkenaan membabitkan pembangunan kemudahan projek fizikal yang menelan belanja sebanyak RM2 juta manakala RM500,000 lagi berkaitan pelaksanaan program komuniti seperti aktiviti sokongan sosial, kesihatan dan psikososial.

Menurut Maziah, program naik taraf bermula Februari hingga Disember tahun lalu itu menyaksikan perubahan Kampung Pasir Pekan Tengah yang dulunya tiada ruang untuk pembangunan menjadi lebih ceria dengan adanya tempat rekreasi kanak-kanak lengkap dengan pagar keselamatan.

Bukan setakat itu, penduduk juga menikmati kemudahan lain seperti laluan *brisk walk* berturap sejauh 500 meter dan pencahayaan yang menerangi kawasan gelap dalam kampung yang terletak di tepi sungai.

Maziah berkata, inisiatif lain KPWKM adalah penempatan pokok, penyediaan longkang dan juga gazebo serta jeti terapung. Pembinaan jeti terapung itu menjadi lokasi tarikan pelancong yang berlatar belakang Sungai Kelantan, berfungsi sebagai laluan operasi untuk pasukan penyelamat dan boleh digunakan sebagai hub penyaluran bantuan ketika banjir.

"Perkara pertama bila dapat kelulusan (peruntukan) adalah turun padang dan buat tinjauan kesejahteraan keluarga dan masyarakat kerana setiap dua tahun, memang ada buat indeks kesejahteraan keluarga.

"Alhamdulillah, kedatangan ke kampung itu disambut baik penduduk dan tujuan tinjauan serta pertemuan dengan penduduk adalah mengetahui apa kekangan serta bantuan yang mereka mahu, salah satunya taman rekreasi kanak-kanak.

"Kampung Pasir Pekan Tengah dipilih sebagai KAM di bawah KPWKM kerana mempunyai potensi untuk dibangunkan dengan kedudukan geografinya yang strategik, tetapi kemudahannya agak terhad walaupun ada tarikan di kampung kerana terletak di tepi dan menghadap Sungai Kelantan," katanya ketika ditemui di Balai Berita Media Prima Bangsar, dekat sini.

Di samping itu, menurut Maziah, cabaran dalam usaha menaik taraf itu adalah berkaitan soal pemilikan tanah yang dimiliki penduduk secara persendirian.

Justeru, penduduk perlu dikumpulkan untuk diberi penjelasan sebelum projek naik taraf kemudahan bermula namun ia mendapat kerjasama baik dengan penduduk yang nampak manfaatnya.

"Memandangkan ia adalah tanah persendirian, kena tahu mengenai perundangan supaya tak timbul isu.

"Kita pun dapat kerjasama daripada Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat selain Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan aspek teknikal.



PENDUDUK Kampung Pasir Pekan Tengah di Tumpat menikmati kemudahan lain seperti laluan *brisk walk* berturap sejauh 500 meter.

"Kerjasama semua agensi penting dan kita guna apa (ruang) yang ada untuk dibangunkan bagi kegunaan bersama.

"Bila projek selesai, kita dapat lihat ramai kanak-kanak di taman rekreasi walaupun majoriti penduduk warga emas malah ekonomi pun semakin baik kerana sampai jam 2 pagi pun masih ada penduduk berniaga di depan rumah.

"Keselamatan pun terjamin dengan adanya laluan *brisk walk* yang turut jadi tempat senaman warga emas dan sambutan Hari Sukan Negara dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS)," katanya.

Maziah berharap, program KAM di bawah KPWKM dapat dilaksanakan di kampung dekat kawasan lain.

"Nampak pelaksanaan ini bukan saja pembangunan fizikal dan psikososial semata-mata.

"Tapi ia mampu terjemahkan dasar kepada tindakan," katanya.

Disiarkan pada: November 20, 2025 @ 7:00am

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8.2 tan metrik makanan keperluan asas untuk Pulau Perhentian dan Pulau Redang

Baharom Bakar
am@hmetro.com.my



MAIZURA bersama petugas bencana daripada JKM memantau proses penghantaran barangan keperluan asas ke Pulau Redang dan Pulau Perhentian.
FOTO Baharom Bakar

Kuala Terengganu: Kira-kira 8.2 tan metrik makanan keperluan asas dihantar untuk menampung keperluan 627 Ketua Isi Rumah (KIR) di Pulau Perhentian dan Pulau Redang.

la bagi menampung keperluan penduduk menghadapi Monsun Timur Laut (MTL).

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri, Mazura Ngah Abdul Manan berkata, bekalan barangan keperluan asas itu mencukupi untuk menampung keperluan penduduk di dua pulau itu sehingga Mac depan.

Katanya, penghantaran bekalan makanan keperluan asas ke dua pulau peranginan itu dilakukan bagi membantu penduduk yang dijangka berhadapan dengan terputus bekalan berikutan laut bergelombang dan cuaca buruk.

"Penduduk yang tinggal di dua pulau peranginan itu tidak dapat ke tanah besar untuk mendapatkan bekalan keperluan asas susulan laut bergelora," katanya.

Mengulas lanjut, Mazura berkata, misi penghantaran barangan keperluan asas itu mendapat kerjasama Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur, apabila menyediakan kemudahan kapal ke dua pulau berkenaan.

Turut menyertai misi itu adalah pegawai dan anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) yang membantu untuk pengagihan bekalan kepada penduduk di pulau berkenaan.

Ketika mengulas persiapan JKM menghadapi bencana banjir, Mazura berkata, sebanyak 855 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang mampu menampung kira-kira 200,000 mangsa disediakan di seluruh negeri.

"Kita juga sudah menempatkan bekalan bencana di Depoh Simpanan Keperluan Bencana (DSKB) di Marang, 15 mini depoh dan 165 pangkalan hadapan di seluruh negeri sejak bulan lalu.

"PPS sudah bersiap siaga untuk diaktifkan dan penduduk diminta segera berpindah jika kawasan kediaman dinaiki air," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



19 Depoh Mini Perkukuh Kesiapsiagaan Banjir Di Kelantan

🕒 20/11/2025 10:22 PM



KOTA BHARU, 20 Nov (Bernama) -- Sebanyak 19 depoh mini penyimpanan barang bantuan telah mula beroperasi di seluruh jajahan di Kelantan, disokong 180 pangkalan hadapan yang diwujudkan tahun ini, sebagai usaha kerajaan negeri memperkukuh kesiapsiagaan menghadapi musim tengkujuh.

Langkah itu bertujuan memastikan bekalan asas di semua pusat pemindahan sementara (PPS) berada pada tahap optimum serta memastikan penghantaran bantuan tidak terganggu ketika banjir berlaku.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri, Datuk Rohani Ibrahim, berkata jumlah pangkalan hadapan meningkat berbanding 160 lokasi tahun lepas bagi memastikan kesinambungan penghantaran bekalan.

Beliau berkata proses penghantaran bekalan ke semua lokasi telah dimulakan sebulan lalu dan kini selesai sepenuhnya, merangkumi stok makanan basah dan kering, makanan retort, gula, garam, selimut serta pelbagai peralatan keperluan asas untuk menampung mangsa banjir pada bila-bila masa.

"Peruntukan keseluruhan yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi persediaan banjir tahun ini mencecah RM3 juta, meliputi penyediaan makanan, kelengkapan asas dan sokongan logistik di PPS seluruh Kelantan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penyampaian Insentif Khas Taska Swasta 2025 di Bilik Gerakan Negeri, Kompleks Kota Darulnaim, di sini hari ini.

Rohani berkata di peringkat negeri terdapat satu depoh utama, manakala di peringkat jajahan, depoh mini berbentuk kontena berfungsi menampung bekalan kecemasan dan membekalkan pangkalan hadapan berhampiran PPS.

"Kita belajar daripada pengalaman tahun lalu. Untuk kawasan bermasalah, kita tambah baik pengurusan termasuk penyediaan senarai petugas, suntikan tifoid kepada tukang masak PPS serta penjadualan sukarelawan, dengan 10 hingga 15 petugas dapur ditempatkan di setiap PPS bersama saguhati disediakan Kerajaan Negeri," katanya.

Beliau menambah kerajaan negeri turut menyediakan laluan alternatif di kawasan berisiko tinggi, termasuk Kolbok 5, Rantau Panjang serta pembukaan akses sementara di Tanah Merah, bagi memastikan penghantaran bekalan dapat diteruskan sekiranya jalan utama terputus.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Terpaksa jual jam tangan untuk beli susu anak

Mary Victoria Dass
am@metro.com.my



Nurul Farhana bersama anak-anaknya di Kampung Jawa Dalam Kota Tinggi.

Kota Tinggi: "Kami tiada pilihan melainkan menjual jam tangan ini di Facebook (FB) untuk membeli susu dan keperluan lain bagi anak bongsu," kata seorang suri rumah, Nurul Farhana Asman, 30, di Kampung Jawa Dalam, di sini.

Nurul Farhana berkata, sejak terputus bekalan susu bagi anak bongsunya yang juga bayi lelaki berusia sembilan bulan, anaknya itu terpaksa meminum bancuhan susu pekat.

Menurutnya, Muhammad Farhan Shah Hakashah yang juga anak lelaki bongsu adalah anak syurga yang mengalami masalah tulang belakang bengkok.

Katanya, keluarganya berdepan masalah kewangan selepas terpaksa berulang-alik ke Hospital Kota Tinggi (HKT) atau Klinik Kesihatan Kota Tinggi bagi membolehkan anaknya mendapatkan rawatan serta terapi.

"Dia didiagnos mengalami masalah tulang belakang sejak usia lima bulan dan setakat ini pergerakannya agak terhad, tidak seperti bayi normal selain tidak boleh duduk tanpa disokong seseorang.

"Selain masalah tulang belakang, Muhammad Farhan Shah juga mengalami masalah asma dan ekzema hingga kami bergantung kepada sesetengah ubat dari farmasi.

"Tambah pula kami memiliki dua anak perempuan yang masih bersekolah termasuk di Tahun Satu dan Tiga.

"Gaji suami sebagai penjual ikan pula tidak tetap dan anggaran pendapatannya kira-kira RM800 sebulan," katanya.

Nurul Farhana berkata, suaminya, Hakashah Sidek, 59, bersyukur atas bantuan sewa rumah bulanan daripada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) sejumlah RM250, namun mereka dalam proses memohon bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menurutnya, keluarganya juga tiada pilihan melainkan menyewa di kediaman yang dalam keadaan serba kekurangan termasuk mengalami kebocoran siling rumah.

Katanya, dia juga tidak mampu untuk keluar bekerja berikutan perlu memberi jagaan sepenuh masa kepada Muhammad Farhan Shah.

"Saya memang mahu bekerja tetapi buat masa ini tidak dapat berbuat demikian kerana Muhammad Farhan Shah meragam hampir setiap masa hingga hanya tidur beberapa jam sekali.

"Tambah pula doktor menasihati kami untuk memberi tumpuan kepadanya," katanya.

Nurul Farhana yang berasal dari Kota Tinggi berkata, dia terpaksa menjual jam tangannya bagi membeli barangan keperluan bagi Muhammad Farhan Shah.

"Saya melepaskan jam tangan kegemaran ini yang dibeli dengan harga RM200 dengan harga RM110 di FB semalam termasuk membuat hebahan di halaman tertentu termasuk Komuniti Bandar Seri Alam.

"Saya membeli jam tangan ini lebih dua tahun lalu, setakat ini ramai menunjukkan minat untuk membelinya demi membantu keluarga kami," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



SUZILAWATI (kanan) dan Nur Aneesa memerlukan bantuan air mineral khas dan lampin pakai buang untuk memudahkan mereka menjalani kehidupan harian.

Ibu, anak 'kongsi' derita

Oleh TOREK SULOND 20 November 2025, 8:01 am

PASIR PUTEH – Kehidupan harian dua beranak yang tinggal di Kampung Padang Pak Amat di sini sentiasa bertamankan air mata apabila ibu dan anaknya masing-masing menderita penyakit kronik yang berbeza.

Suzilawati Rami, 43, ketika ini hanya mampu terlarat akibat penyakit diabetes sejak tiga tahun lalu, manakala anak bongsu daripada dua beradik, Nur Aneesa Mohamad Nazrudwan, 14, pula mengalami kegagalan sebelah buah pinggang.

Menurut Suzilawati yang merupakan suri rumah, penyakit diabetes yang kronik dialaminya itu menyebabkan bahagian badan mengalami kudis dan bisul yang lambat untuk sembuh.

Katanya, dia juga tidak mampu untuk bekerja dan hanya bergantung sepenuhnya kepada suaminya yang bekerja sebagai pemandu bus secara sambilan dengan pendapatan yang tidak menentu.

"Sakit yang dialami itu membuat saya hanya terlarat di atas katil. Saya dan Nur Aneesa turut dibantu kakaknya yang berusia 17 tahun apabila bapa mereka keluar bekerja.

"Nur Aneesa perlu melalui prosedur penjagaan pundi kencing dan bergantung kepada wayar khas untuk membuang air kecil setiap tiga jam sekali," katanya ketika ditemui Kosmol di rumah sewa mereka di Kampung Padang Pak Amat di sini baru-baru ini.

Suzilawati memberitahu, anaknya itu juga perlu memakai lampin pakai buang dan hanya boleh minum air mineral yang mengandungi bahan tertentu sahaja.

Menurutnya, Nur Aneesa yang masih bersekolah bergantung kepada sebelah buah pinggang selepas pembedahan yang dijalankan ketika kanak-kanak sekali gus memerlukan penjagaan rapi sepanjang masa.

"Atas nasihat doktor, saya dan Nur Aneesa memerlukan sekurang-kurangnya lapan botol air mineral khas setiap bulan. Kami tidak membeli air mineral mengikut jumlah itu akibat kekangan kewangan.

"Suami saya juga perlu menampung kos lampin dewasa yang mencecah hampir RM200 sebulan," ujarnya.

Suzilawati berkata, selain pendapatan suami, keluarganya bergantung kepada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM500 sebulan.

Menurutnya, jumlah itu tidak mencukupi untuk menampung kos rawatan dan keperluan harian apabila pendapatan suami juga perlu digunakan untuk membayar sewa rumah sebanyak RM300 sebulan.

Orang ramai yang ingin menyalurkan bantuan boleh menghubungi Suzilawati di talian **016-430 8786** atau menyumbang melalui akaun CIMB miliknya, **7615 7884 57**. -KOSMOL ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bayi dalam perut pun boleh 'trauma'

Shifaa Afqah Sobri
am@hmetro.com.my



Kuala Lumpur: Keganasan rumah tangga terhadap wanita hamil bukan sekadar isu peribadi sebaliknya penderaan fizikal dan emosi yang meninggalkan kesan trauma mendalam bukan sahaja kepada ibu malah bayi dalam kandungan.

Pengamal Perubatan Am, Psikiatri dan Kesihatan Mental, Dr Fakrul Azren Azhar berkata, dalam konteks kesihatan mental, trauma yang dialami bukan sahaja memberi implikasi serius kepada kesihatan mental dan fizikal ibu, malah turut memberi kesan jangka panjang terhadap perkembangan bayi dalam kandungan.

"Mangsa keganasan rumah tangga sering berdepan trauma mendalam seperti gangguan tekanan akut (*Acute Stress Disorder*), kebimbangan melampau, insomnia, hilang selera makan dan kemurungan.

"Rasa takut yang berpanjangan serta perasaan tidak selamat akan menjejaskan keupayaan ibu menjalani kehamilan dengan tenang, malah ada yang hilang sepenuhnya rasa harga diri.

"Dalam jangka masa panjang, trauma dialami mangsa keganasan rumah tangga boleh berkembang menjadi gangguan tekanan pascatrauma (PTSD), gangguan kemurungan *major* dan gangguan kebimbangan umum, menyebabkan mereka terus hidup dalam ketakutan, rasa bersalah berpanjangan serta kehilangan harga diri yang boleh berlarutan bertahun-tahun, meskipun hubungan toksik itu sudah lama berakhir," katanya.

Dr Fakrul Azren berkata, hormon stres seperti kortisol yang meningkat secara kronik bukan sahaja menjejaskan kesihatan mental ibu, malah boleh menimbulkan komplikasi obstetrik seperti kelahiran prematur, berat bayi rendah, atau gangguan pertumbuhan janin.

"Dari sudut psikologi, ibu yang berada dalam ketakutan dan tekanan berpanjangan mungkin sukar membentuk ikatan emosi (*bonding*) dengan bayi selepas kelahiran.

"Bayi yang terdedah kepada persekitaran penuh tekanan sejak dalam kandungan juga didapati mempunyai risiko lebih tinggi mengalami masalah perkembangan emosi dan tingkah laku pada masa hadapan," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Mengulas lanjut berkenaan kes Jahidah Nordin, wanita hamil yang dipukul suami hingga koma, Azren berkata, dalam sesetengah situasi, pelaku tidak mempunyai gangguan mental klinikal tetapi memiliki corak pemikiran toksik, empati rendah dan sikap tidak bertanggungjawab meskipun sedar akibat perbuatan mereka.

"Begitu juga dengan kes terbaru, di mana suami melakukan cubaan bunuh dengan mengelar isteri menggunakan pisau, insiden sebegini sering berpunca daripada gabungan faktor seperti keceklaruan personaliti, tekanan hidup yang tidak diuruskan dengan baik.

"Fenomena ini sukar difahami, namun dari sudut psikologi, ia mempunyai kaitan rapat dengan faktor dalaman pelaku, termasuk kemungkinan mengalami gangguan personaliti seperti Gangguan Personaliti Antisosial atau Gangguan Personaliti Narsistik, yang dicirikan oleh tahap empati yang rendah, impulsiviti tinggi serta kecenderungan untuk mengawal pasangan.

"Dalam sesetengah kes, pelaku mungkin mempunyai sejarah trauma pada zaman kanak-kanak, seperti penderaan fizikal atau emosi, yang kemudiannya membentuk corak tingkah laku ganas apabila dewasa, sehingga penderaan terhadap pasangan dilihat sebagai sesuatu yang normal atau boleh diterima.

"Ada juga yang mengalami gangguan mental seperti skizofrenia dengan gejala halusinasi atau delusi yang menyebabkan mereka bertindak agresif tanpa kawalan yang baik.

"Apa yang lebih membimbangkan, ada pelaku yang cuba menggunakan alasan mengalami 'masalah mental' untuk mengelak daripada dikenakan tindakan undang-undang, sedangkan dalam psikiatri forensik, hanya mereka yang benar-benar mengalami gangguan mental yang mengganggu keupayaan memahami dan mengawal tindakan akan dipertimbangkan sebagai tidak layak dipertanggungjawabkan secara jenayah," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Keganasan rumah tangga bukan isu peribadi tetapi jenayah

PREMIUM

 **IZWAN ROZLIN** [Follow](#)

20 November 2025 09:45am



Keganasan rumah tangga adalah jenayah dan bukan isu peribadi kerana setiap laporan diterima polis akan disiasat tanpa kompromi. Gambar: bilasan

KUALA LUMPUR – Keganasan rumah tangga adalah jenayah dan bukan isu peribadi kerana setiap laporan diterima polis akan disiasat tanpa kompromi.

Ketua Penolong Pengarah D11 Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, polis mempunyai kuasa membuat tangkapan terhadap suspek bagi tujuan siasatan dan menghalang suspek daripada terus mengasari mangsa.

Beliau menjelaskan, semua perbuatan melibatkan pukul, mencederakan, guna senjata, ugutan atau merosakkan harta benda tertakluk kepada Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT).

"Kalau ada elemen jenayah, kita memang akan siasat. Ini bukan hal kecil dalam rumah, ia adalah jenayah," katanya.

Menurutnya, terdapat kes yang tidak memerlukan tangkapan serta-merta namun siasatan tetap dijalankan mengikut prosedur untuk mengelakkan kejadian berulang terutama dalam konflik suami isteri yang berlaku dalam tempoh berpanjangan.

Siti Kamsiah turut menegaskan bahawa PDRM tidak boleh menolak laporan dan mana-mana anggota yang berbuat demikian boleh dikenakan tindakan tatatertib.

"Kalau ada anggota suruh 'balik selesai sendiri', mangsa boleh laporkan kepada pucuk pimpinan PDRM kerana itu salah dan bercanggah dengan dasar," katanya.

Beliau berkata, persepsi masyarakat yang menganggap pergaduhan suami isteri sebagai perkara biasa menyebabkan ramai mangsa berdamai diri dan orang awam tidak membantu walaupun melihat kejadian itu.

Katanya, orang ramai boleh membuat laporan jika percaya berlaku jenayah dan polis tidak akan mengambil tindakan terhadap individu yang melapor dengan niat baik.

Dalam penjelasannya mengenai pendekatan siasatan, Siti Kamsiah berkata, D11 mengamalkan konsep gender neutral di mana lelaki atau wanita yang menjadi mangsa diberi perlindungan undang-undang yang sama.

"Kita melihat mangsa sebagai individu trauma bukan berdasarkan jantina," katanya.

Ujarnya, mangsa diberi sokongan psikologi terlebih dahulu sebelum disoal kerana kebanyakan mereka berada dalam keadaan tidak stabil selepas bergaduh atau dcederakan.

Katanya, pemilihan pegawai penyiasat juga mengambil kira kesejahteraan mangsa supaya proses siasatan tidak menambah tekanan.

Siti Kamsiah berkata, peranan komuniti amat penting dalam membantu polis mengesan kes-kes yang berlaku secara senyap.

"Ketua komuniti, Rukun Tetangga dan pemimpin setempat perlu menjadi mata dan telinga untuk mengesan tanda awal penderaan, terutama bagi mangsa yang malu atau takut untuk tampil," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Masalah kewangan antara punca utama isteri dera suami



IWAN ROZLIN

Follow

20 November 2025 09:30am



Masalah kewangan dikenal pasti sebagai punca paling ketara yang mendorong kes penderaan isteri terhadap suami. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR – Masalah kewangan dikenal pasti sebagai punca paling ketara yang mendorong kes penderaan isteri terhadap suami selain tekanan emosi, panas baran dan ketidakseimbangan peranan dalam rumah tangga.

Ketua Penolong Pengarah D11 Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, siasatan menunjukkan isu duit menjadi pencetus utama pertengkaran sehingga membawa kepada keganasan rumah tangga apabila suami tidak bekerja, berpendapatan rendah atau gagal memenuhi keperluan keluarga.

"Bila duit tak cukup, isu kecil pun boleh jadi besar. Ada suami yang hilang kerja, gaji terlalu rendah menjadikan hubungan semakin tegang," katanya.

Beliau berkata, ketidakseimbangan peranan dalam rumah tangga turut menjadi antara faktor utama apabila terdapat isteri yang berasakan dirinya lebih banyak menyumbang kepada ekonomi keluarga sehingga timbul rasa tidak puas hati terhadap suami.

Menurutnya, situasi itu mendorong isteri bertindak agresif kerana beranggapan mereka memikul beban lebih besar berbanding pasangan.



Wawancara Sier Harbi, Iwan Rozlin memamerkan SJK Kamsiah di pejabatnya baru-baru ini.

"Ada yang rasa mereka menanggung keluarga sepenuhnya. Bila sudah jadi begitu, pergaduhan cepat akan berlaku," jelasnya.

Selain itu, gagal mengawal emosi dan panas baran termasuk perkara remeh seperti barang tidak dijumpai, penjagaan anak atau hal kecil, sering menjadi pencetus pergaduhan yang akhirnya membawa kepada penderaan fizikal mahupun emosi.

Beliau berkata, banyak pasangan yang berrasalah sejak awal perkahwinan, termasuk tidak mendapat restu keluarga, menjadikan pergaduhan mudah tercetus dan berkembang menjadi keganasan.

"Kadangkala konflik kecil seperti salah faham seharian turut membawa kepada perselisihan yang semakin memburuk apabila kedua-dua pihak gagal mengawal marah," ujarnya.

Dalam pada itu, Siti Kamsiah berkata, masih ramai suami enggan membuat laporan polis walaupun menjadi mangsa malah ada sesetengah kes aduan hanya dibuat ahli keluarga selepas suami dibawa ke hospital.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki juga jadi mangsa dera isteri

PREMIUM



IZWAN ROZLIN

Follow

20 November 2025 09:00am



Menurut SRI Kamisah (gambar kecil), kejadian penderaan yang dialami suami merangkumi pelbagai bentuk dan bukan terhad kepada kecederaan fizikal semata-mata. Foto hiasan

KUALA LUMPUR – Kes suami menjadi mangsa penderaan isteri menunjukkan peningkatan ketara sejak lima tahun lalu apabila sebanyak 453 kes direkodkan dari 2020 hingga Julai 2025, mengikut data Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman.

Statistik menunjukkan 44 kes dicatat pada 2020 meningkat kepada 74 kes pada 2021, kemudian melonjak kepada 100 kes pada 2022.

Bagaimanapun kes menurun sedikit kepada 71 kes pada 2023 namun angka berkenaan kembali meningkat kepada 96 kes pada 2024.

Ketua Penolong Pengarah D11 Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamisah Hassan berkata, bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini sahaja, 68 kes sudah direkodkan dan angka itu hampir menyamai jumlah sepanjang tahun lalu.



Menurutnya, perkembangan tersebut membuktikan trend penderaan terhadap suami semakin membimbangkan.

"Walaupun 2023 ada sedikit penurunan, trend keseluruhan tetap meningkat. Tahun ini baru separuh tahun sudah 68 kes, kebarangkalian mencapai lebih 100 kes itu tinggi," katanya kepada Sinar Harian dalam temubual khas di pejabatnya baru-baru ini.

Beliau berkata, kejadian penderaan yang dialami suami merangkumi pelbagai bentuk dan bukan terhad kepada kecederaan fizikal semata-mata.

Antara perbuatan yang dilaporkan termasuk dipukul, ditendang dan dcederakan, bahkan ada yang mengalami kecederaan serius.

Menurutnya, penderaan psikologi dan emosi turut menjadi antara bentuk penderaan paling lazim merangkumi tindakan dimaki hamun, dihina, dipanggil dengan gelaran merendahkan maruah secara berulang, selain dibaling barang walaupun tidak mengenal tubuh mangsa.

| KONTINEN | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|-----------------|------|------|------|------|------|------|
| PERLIS | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| KEDAH | 3 | 5 | 8 | 2 | 5 | 2 |
| PULAU PINANG | 1 | 2 | 4 | 3 | 6 | 4 |
| PERAK | 4 | 3 | 3 | 2 | 5 | 11 |
| SELANGOR | 17 | 22 | 25 | 21 | 27 | 18 |
| KUALA LUMPUR | 3 | 11 | 13 | 10 | 19 | 4 |
| NEGERI SEMBILAN | 2 | 3 | 5 | 1 | 1 | 4 |
| MELAKA | 2 | 7 | 6 | 10 | 13 | 3 |
| JOHOR | 7 | 10 | 9 | 8 | 8 | 9 |
| PAHANG | 0 | 1 | 5 | 4 | 3 | 0 |
| TERENGGANU | 1 | 4 | 5 | 2 | 4 | 1 |
| KELANTAN | 1 | 2 | 7 | 1 | 0 | 4 |
| SABAH | 1 | 2 | 5 | 2 | 2 | 4 |
| SARAWAK | 2 | 2 | 8 | 4 | 3 | 6 |
| JUMLAH | 44 | 74 | 100 | 71 | 96 | 68 |

"Ada suami yang hari-hari dimaki, dihina dan ditekan secara emosi sehingga menjejaskan kestabilan mental mereka. Perbuatan itu juga dikategorikan sebagai penderaan," katanya.

Beliau berkata, penderaan ekonomi turut direkodkan antaranya isteri menguasai sepenuhnya kewangan suami, memberikan duit dalam jumlah sedikit atau mengawal semua perbelanjaan sehingga suami hilang autonomi dalam urusan nafkah.

Tegasnya lagi, terdapat juga kes melampau yang timbul akibat isu curang atau skandal sehingga mencetuskan serangan fizikal lebih ganas.

"Banyak daripada kes ini berlaku secara berulang dalam tempoh panjang sebelum mangsa akhirnya membuat laporan kepada polis.

"Ramai suami sebenarnya sudah lama menghadapi penderaan, tetapi hanya melaporkan selepas berlaku insiden besar atau kecederaan serius," ujarnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Isteri di Perlis penyayang, tiada kes suami didera



RAIHAM MOHD SANUSI

Follow

20 November 2025 05:38pm



Perlis tidak merekodkan sebarang kes suami didera isteri sejak 2020 hingga Julai 2025, berdasarkan statistik PDRM. Foto hiasan

SHAH ALAM - Perlis muncul sebagai negeri yang memiliki 'isteri penyayang' apabila tidak merekodkan sebarang kes suami didera isteri sejak 2020 hingga Julai 2025, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Data daripada Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman menunjukkan Perlis mengekalkan angka sifar kes penderaan fizikal atau emosi terhadap suami selama lima tahun berturut-turut.

Rekod itu membezakan Perlis daripada 13 negeri lain yang ada antaranya mencatatkan peningkatan kes, termasuk pada 2022 yang menjadi tahun dengan jumlah tertinggi kes di peringkat nasional.

Perlis turut menjadi satu-satunya negeri di Semenanjung yang langsung tidak menyumbang kepada statistik penderaan terhadap suami dalam tempoh tersebut.

Negeri yang merekodkan jumlah kes yang agak rendah sepanjang lima tahun berkenaan pula ialah Pahang dengan 13 kes, Kelantan (15 kes), Negeri Sembilan dan Sabah (masing-masing 16 kes) dan Terengganu (17 kes).

Selangor mencatatkan keseluruhan 128 kes sejak 2020, menjadikannya negeri paling banyak melaporkan penderaan isteri terhadap suami.

Terdahulu, Sinar Harian melaporkan kes suami menjadi mangsa penderaan isteri menunjukkan peningkatan ketara sejak lima tahun lalu apabila sebanyak 453 kes direkodkan dari 2020 hingga Julai 2025 mengikut data D11 Bukit Aman itu.

Statistik menunjukkan 44 kes dicatat pada 2020 meningkat kepada 74 kes pada 2021, kemudian melonjak kepada 100 kes pada 2022.

Bagaimanapun kes menurun sedikit kepada 71 kes pada 2023, namun angka berkenaan kembali meningkat kepada 96 kes pada 2024.

Ketua Penolong Pengarah D11 Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini sahaja, 68 kes sudah direkodkan dan angka itu hampir menyamai jumlah sepanjang tahun lalu.

Katanya, perkembangan tersebut membuktikan trend penderaan terhadap suami semakin membimbangkan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kelantan catat 15 kes suami didera isteri, Selangor paling tinggi



📅 20/11/2025

🕒 9:54 PM

Nasional Terkini

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan Kelantan merekodkan **15 kes suami didera isteri** sepanjang tempoh 2020 hingga Julai 2025, lapor Sinar Harian.

Angka itu menempatkan Kelantan antara negeri dengan jumlah kes rendah, namun trend nasional menunjukkan isu ini semakin membimbangkan.

Beberapa negeri lain turut menunjukkan angka yang rendah seperti Pahang (13 kes), Kelantan (15 kes), Negeri Sembilan dan Sabah (masing-masing 16 kes), serta Terengganu (17 kes).

Namun Selangor kekal paling tinggi apabila mencatatkan 128 kes sejak 2020.

Perlis muncul sebagai negeri paling 'tenang' dalam isu rumah tangga melibatkan penderaan suami apabila tidak merekodkan walau satu pun kes sejak 2020 hingga Julai 2025.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman menunjukkan angka sifar itu kekal lima tahun berturut-turut.

Kes suami menjadi mangsa penderaan isteri didalam negara meningkat ketara dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini dengan keseluruhan 453 kes direkodkan dari 2020 hingga Julai 2025.

Statistik menunjukkan 44 kes direkodkan pada 2020, meningkat kepada 74 kes pada 2021, kemudian melonjak kepada 100 kes pada 2022. Angka menurun kepada 71 kes pada 2023 sebelum kembali naik kepada 96 kes pada 2024.

Ketua Penolong Pengarah D11 JSJ Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini sahaja, sudah 68 kes dicatatkan, jumlah yang hampir menyamai keseluruhan kes tahun lalu.

Katanya, trend ini jelas menunjukkan isu penderaan keatas suami semakin membimbangkan dan perlu dipandang serius.

KD: Bunyi macam kelakar kan suami didera isteri, tapi sebenarnya tak. Kes macam ni semakin meningkat dan membimbangkan, sebab itu isu ni kena diberi perhatian sama rata, tak kira siapa yang terlibat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



40 tahun 'diseksa' suami narsistik

Shifaa Afiqah Sobri
am@hmetro.com.my



LELAKI narsistik memiliki personaliti berbeza di luar rumah menyebabkan sesiapa sahaja akan 'tertipu' dengan perwatakan baik yang ditonjolkan untuk mengaburi keganasan terhadap isteri sendiri.

Kuala Lumpur: Selepas hampir 40 tahun memendam derita sebagai isteri kepada lelaki narsistik yang sering menghina dan memukulnya, seorang wanita warga emas akhirnya nekad memfailkan perceraian.

Pesara guru yang mahu dikenali sebagai Khadijah, 65, berkata, selama hampir 40 tahun dia menjalani kehidupan rumah tangga dalam penderitaan emosi yang kronik sehingga terpaksa mendapatkan rawatan psikiatri dan akhirnya nekad memfailkan perceraian selepas melihat anak sudah mampu berdikari.

Menurutnya, sepanjang perkahwinan dia bukan sahaja dimaki hamun oleh suami, malah turut ditampar dan dipukul sekiranya tidak mengikut kehendak lelaki itu yang sentiasa mahu dirinya dilayan bagaikan raja.

"Setiap hari saya terpaksa memakai 'topeng' gembira, sedangkan dalam hati penuh luka dan ketakutan, saya takut bersuara, takut dimarahi, malah takut membuka mulut kepada sesiapa kerana setiap kali ingin mengadu, suami akan ingatkan saya kononnya berdosa membuka aib suami dan tidak akan mencium bau syurga," katanya yang kini menetap di sebuah pondok pengajian agama.

Dia menjelaskan suaminya memiliki personaliti berbeza di luar rumah, dengan berperwatakan baik dan nampak tenang, tutur kata lembut serta dihormati orang sekeliling, sehingga sukar bagi sesiapa mempercayai sisi gelap lelaki itu yang hanya ditunjukkan kepada ahli keluarga terdekat, terutama dirinya sebagai isteri.

Khadijah berkata, selepas menjalani rawatan psikiatri secara konsisten, dia mula sedar bahawa dirinya sudah lama menjadi mangsa manipulasi dan penderaan emosi suami narsistik, dan akhirnya memperoleh kekuatan dalaman untuk berterus terang kepada anak-anak mengenai kisah sebenar yang lama dipendamkan.

"Pada mulanya, anak-anak tidak percaya dan menyangka saya memburukkan ayah mereka kerana di mata mereka, dia seorang bapa contoh yang penyayang dan baik, tetapi selepas saya tunjukkan laporan serta rekod perubatan psikiatri, barulah mereka terbuka hati dan memberi sokongan penuh terhadap keputusan saya untuk bercerai.

"Kes saya difailkan pada Jun 2025 dan ketika hadir di Mahkamah Syariah, suami akhirnya bersetuju melafazkan cerai," katanya.

Kini, Khadijah memilih menjalani kehidupan lebih tenang dengan mendalami ilmu agama di sebuah pondok pengajian dan bersyukur kerana diberi peluang keluar daripada belunggu penderitaan selepas bertahun hidup dalam trauma dan tekanan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dikurung 3 hari 'pandai-pandai' cuci baju suami

Shifaa Afiqah Sobri
am@hmetro.com.my




FOTO HIASAN.

Kuala Lumpur: "Suami mengurung saya selama tiga hari di unit kondominium tingkat 20 hanya kerana saya mencuci pakaian tanpa bertanya dahulu. Saya hidup dalam ketakutan, sengsara dan trauma yang sukar dilupakan," kata Fatin, 30, mangsa keganasan rumah tangga yang mendakwa dikurung hampir 72 jam oleh suaminya sendiri.

Fatin, seorang ibu tunggal dan eksekutif pentadbiran yang kini bebas daripada perkahwinan penuh penderitaan, berkongsi kisah tragis yang hampir meragut nyawanya serta meruntuhkan semangat selepas tiga tahun hidup bersama suami yang didakwa bersifat narsistik dan panas baran.

Berkongsi kisahnya, Fatin berkata, insiden bermula apabila dia mencuci pakaian keluarga pada waktu pagi ketika suaminya masih tidur, namun sebaik lelaki itu bangun tengah hari, dia berang kerana jaket kerjanya tertinggal di motosikal dan tidak sempat dibasuh.

"Saya dah tawarkan diri untuk basuh jaket itu dengan tangan kalau dia bawa naik ke rumah, tapi dia tetap tak puas hati. Katanya saya patut tanya dulu sebelum cuci baju lain," katanya.

Katanya, situasi bertukar ganas apabila suaminya memaki hamun, memukul dan menyepakinya berkali-kali di hadapan anak mereka yang ketika itu baru berusia setahun lebih.

Malah, dia turut diugut dengan gunting dapur sekiranya cuba melawan, menghubungi keluarga atau polis.

Fatin turut mendakwa dia bukan sahaja dipukul dan diugut, malah dipaksa memindahkan wang berjumlah RM180 ke akaun suaminya sebagai ganti rugi kerana lelaki itu tidak dapat bekerja akibat tangan sakit selepas memukulnya.

"Saya dalam keadaan menggigil, sambil peluk anak yang menangis ketakutan, saya tetap buat pindahan wang seperti yang diminta.

"Pada hari ketiga, baru suami percaya dan tidak lagi bimbang saya melarikan diri dari rumah lalu dia menyerahkan semula kunci dan meminta saya mengambil anak di rumah pengasuh.

"Keesokan harinya, selepas suami keluar bekerja, saya nekad mengemas semua barang, menghubungi ayah dan mengambil keputusan melarikan diri dari rumah, meninggalkan suami.

"Selepas melarikan diri, saya segera membuat laporan polis dan mendapatkan pemeriksaan doktor, sebelum ke Mahkamah Syariah untuk memfailkan permohonan fasakh kerana tiada jalan lain selain bercerai," katanya.

Menurutnya, penderaan itu bukan pertama kali berlaku malah, sejak awal perkahwinan lagi dia sering menjadi mangsa ugutan dan penghinaan walaupun berkorban sepenuh hati menjaga suami, anak dan keluarga mentua.

"Saya yang uruskan rumah, jaga anak, masak, belikan keperluan, bayar yuran pengasuh, dan bantu menguruskan mentua yang sakit. Tapi saya tetap dilayan macam hamba," katanya.

Fatin juga mendakwa pernah diugut bunuh ketika sedang hamil namun masih bertahan kerana tidak mahu anak membesar tanpa bapa dan belum cukup kekuatan untuk pergi.

Kesabaran Fatin berakhir pada Jun 2024 apabila dia mengalami tiga kejadian pukul dalam sebulan, termasuk insiden dikurung itu.

"Saya minta Allah kuatkan hati saya. Saya kumpul bukti, saya urus semuanya sendiri tanpa peguam. Alhamdulillah, selepas hampir sembilan bulan, Mahkamah Syariah akhirnya membatalkan perkahwinan kami pada 13 Mac 2025," katanya.

Fatin kini menjalani hidup sebagai ibu tunggal dengan lebih tenang, walaupun masih menjalani rawatan psikiatri selepas disahkan mengalami kemurungan akibat trauma.

"Saya bangga dengan diri saya kerana berjaya keluar dari perkahwinan yang menyeksa. Saya mahu wanita di luar sana tahu, penderaan bukanlah cinta. Jangan tunggu sampai nyawa sendiri melayang," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Akhiri derita 10 tahun bersuamikan lelaki baran

Shifaa Atiqah Sobri
am@hmetro.com.my



NORFAZNI menyeru wanita yang terperangkap dalam keganasan rumah tangga supaya bangkit menyelamatkan diri.

Kuala Lumpur: "Saya hamil tapi masih dipukul, ditendang, malah pernah diacu parang." Itu luahan seorang wanita yang mendakwa 10 tahun hidup dalam perkahwinan penuh derita bersama lelaki panas baran dan penagih dadah.

Dia yang mahu dikenali sebagai Faz, 33, mendakwa, penderaan bermula hanya sebulan selepas mendirikan rumah tangga pada 2011 apabila bekas suaminya itu memukul tanpa sebab, malah menyeksanya walaupun ketika dia hamil anak pertama, kedua dan ketiga.

Katanya, dalam tempoh tiga kehamilan itu, dia sering dipukul jika enggan memberi wang, lambat membeli barang yang diminta atau cuba menegur bekas suami.

"Ketika berpantang anak sulung di rumah ibu, saya terpaksa balik rumah sewa ambil baju dan lampin pakai buang bayi sebab tak cukup, tiba-tiba terdapat kotak rokok bawah baju anak, saya buka, rupanya ada dadah. Bila tanya, saya dipukul sampai tak sedarkan diri," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Faz berkata, penderaan itu berlarutan selama bertahun termasuk ketika dia bekerja sebagai nelayan, keluar ke laut pada waktu malam demi menyara keluarga kerana suaminya tidak pernah memberi nafkah.

Menurutnya, dia juga perlu membayar suaminya RM30 hanya untuk menjaga anak mereka pada waktu malam.

"Dia langsung tidak pernah ambil tahu, bila anak sakit, dia tak pernah bawa ke hospital. Hanya ibu saya yang sentiasa mememani. Saya terpaksa atur hidup sendiri, ketika saya demam dan mahu ke klinik, dia abaikan saya sepenuhnya," katanya.

Dia berkata, ibu mentuanya juga tidak menyebelainya, malah pernah menceritakan semula segala dia luahkan kepada bekas suaminya.

"Saya pernah mengadu pada ibu mentua dan harapkan nasihat, tapi sebaliknya dia sampaikan semula pada suami saya, esoknya saya dipukul lagi, sampai anak menangis trauma," katanya.

Norfazni mendakwa dia pernah diacu parang panjang dalam kereta ketika itu dia minta diceraikan namun lelaki itu membuat tuduhan dia curang.

"Ketika itu saya sudah hilang selera makan beberapa hari, lemah dan tak mampu melawan, saya cuba lari masa dia nak ambil parang semula, jerit minta tolong, tapi dia sempat tangkap semula dan tumbuk saya dalam kereta, saya hampir pengan," katanya.

Norfazni berkata, doktor pernah mengesahkan dia mengalami gangguan kebimbangan (anxiety) dan kemurungan akibat tekanan mental berpanjangan.

Katanya, dia nekad memfailkan perceraian namun suaminya mengangkat sumpah laknat di mahkamah bahawa dia tidak pernah melafazkan talak di luar.

"Dua hari selepas itu, bekas suami saya terbabit dalam kemalangan. Saya terus memfailkan permohonan fasakh, bawa saksi, walaupun ambil masa hampir setahun kerana Covid-19," katanya.

Selepas bercerai secara fasakh pada 18 Mac 2021, Faz berkata, dia meneruskan hidup tanpa nafkah namun tidak menghalang bekas suami bertemu anak-anak.

"Selepas bertahun melalui episod hitam, Allah gantikan derita saya apabila saya bertemu jodoh pada 2022 dengan lelaki yang menyayangi saya dan anak-anak seperti keluarga sendiri, tidak pernah mengasari, malah sanggup cuti setiap kali ada temujanji hospital.

"Saya kahwin semula pada 26 Oktober 2022, Alhamdulillah, suami sekarang sangat penyayang, ringan tulang, sabar dan bantu saya bina semula hidup, saya bersyukur dan mohon semoga perkahwinan ini berkekalan," katanya.

Norfazni turut menyeru wanita lain yang terperangkap dalam keganasan rumah tangga supaya bangkit menyelamatkan diri, kerana setiap air mata akan diganti dengan kebahagiaan sekiranya mereka berani melangkah keluar daripada penderitaan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suri rumah didenda RM7,000 kerana cuai hingga bayi terjatuh

© 20 November 2025, 2:49pm



Suri rumah, Nurul Hayat (kiri) keluar dari mahkamah selepas membayar denda kerana cuai hingga anaknya terjatuh. – Foto NSTP

Oleh: Alias Abd Rani

BATU PAHAT: Suri rumah didenda RM7,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini selepas mengaku bersalah atas pertuduhan mengabaikan sehingga menyebabkan anak perempuannya cedera terjatuh dari rak menukar lampin pakai buang.

Hakim Osman Affendi Mohd Shalleh juga memerintahkan tertuduh, Nurul Hayat Saharudin, 31, dikenakan bon berkelakuan baik dengan cagaran RM2,000 daripada seorang penjamin serta khidmat masyarakat selama 120 jam untuk tempoh enam bulan berkuat kuasa hari ini.

Mahkamah juga memerintahkan tertuduh dipenjara tujuh bulan jika gagal membayar denda dikenakan terhadapnya. Tertuduh kemudian membayar denda itu.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa mengabaikan sehingga menyebabkan kecederaan fizikal terhadap anak perempuannya ketika kejadian, di sebuah rumah di Kampung Punggur Darat, Rengit, di sini, jam 9 pagi, 11 Disember tahun lalu.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 31 (1) akta sama.

Seksyen 31 (1) memperuntukkan denda hingga RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya.

Berdasarkan fakta kes, polis menerima laporan daripada pihak hospital memaklumkan seorang bayi perempuan cedera di kepala dan dagu ketika dihantar tertuduh serta ibu mentuanya untuk mendapatkan rawatan.

Siasatan polis mendapati, bayi berusia 50 hari terbabit dilaporkan terjatuh dari rak menukar lampin pakai buang pada ketinggian 80 sentimeter.

Ketika kejadian, mangsa ditinggalkan atas rak terbabit manakala tertuduh ke dapur untuk membuat susu. Tidak lama kemudian, tertuduh terdengar tangisan sebelum bergegas ke depan dan melihat anaknya terjatuh.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Sharifah Natasha Syed Ahmad manakala tertuduh diwakili peguam, Siti Farha Garieb daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kompleks Mahkamah Seremban

Buat 'projek' di kebun pisang, kelindan dijel 5 tahun

Oleh NOR SHAFAWATI YUP 20 November 2025, 11:52 am

SEREMBAN – Seorang kelindan lori dipenjarakan lima tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak saudaranya di kebun pisang di Nilai, dekat sini tahun lalu.

Mahkamah menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh berusia 47 tahun mengaku bersalah di hadapan Hakim Datin Surita Budin.

Hukuman penjara itu diarahkan berjalan dari tarikh tangkapan. Mahkamah turut mengarahkan lelaki itu menjalani kaunseling pemulihan dan pengawasan polis selama setahun selepas selesai hukuman penjara.

Mengikut pertuduhan, tertuduh melakukan perbuatan itu ke atas seorang kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun empat bulan pada pukul 12.30 tengah hari di kawasan kebun pisang Kampung Stesen 3, Mei 2024.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 14(b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang membawa hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan sebatan dan Seksyen 15(a)(i) akta sama.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu hukuman yang minimum dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatan tersebut. Tertuduh sudah berkahwin dan memiliki lima anak.-KOSMO! ONLINE